



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	05 DECEMBER 2016



DR. MAHATHIR MOHAMAD bersama Lim Kit Siang mengadakan sidang akhbar pada Persidangan Kebangsaan DAP 2016 yang berlangsung di Shah Alam, semalam.. - UTUSAN/SAHARUDDIN ABDULLAH

Ambil kesempatan burukkan UMNO, MCA

UM - 5/12/2016

Dr. Mahathir hadir persidangan DAP

Oleh FAZRINA AYU RADUIAN
pengarang@utusan.com.my

■ SHAH ALAM 4 DIS.

DALAM usaha untuk mengambil hati DAP, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang menghadiri persidangan kebangsaan parti itu di sini hari ini bukan sahaja memuji DAP malah mengambil kesempatan untuk memburuk-burukkan UMNO dan MCA.

Bekas Perdana Menteri itu yang duduk sebaris dengan pemimpin pembangkang lain di pentas utama termasuk Penasihat DAP, Lim Kit Siang turut memuji parti tersebut dan mengakui bahawa pandangan beliau terhadap DAP selama ini adalah salah.

Beliau juga memuji ucapan Setiausaha Agung DAP yang belum diiktiraf, Lim Guan Eng yang dianggap cukup baik.

"Dahulu ketika saya hadir Mesyuarat Agung MCA, lagu parti dinyanyikan dalam bahasa Cina (Mandarin) tetapi DAP menyanyi

dalam bahasa Kebangsaan (Melayu). Saya juga rasa ucapan Lim Guan Eng cukup baik kerana memberi pengakuan DAP patuh Perlembagaan, saya tidak pernah dengar MCA cakap sedemikian," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis perasmian persidangan tersebut.

Selain Dr. Mahathir yang juga Penasihat Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), turut hadir Presiden PKR, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, Presiden PAN Mohamad Sabu dan Pengerusi Bersih, Maria Chin Abdullah.

Dr. Mahathir yang sepanjang 22 tahun menjadi Perdana Menteri dan Presiden UMNO pernah mengingatkan orang Melayu serta rakyat Malaysia mengenai ancaman politik DAP yang dianggap menggunakan sentimen perkauman, turut mengubah pendiriannya apabila menganggap DAP parti untuk semua kaum bukannya parti Cina.

"Saya ingin nyatakan pandangan saya dahulu terhadap DAP

tidak betul," katanya yang turut memberitahu Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) akan menyertai pakatan pembangkang yang diterajui oleh DAP.

Pengerusi PPBM itu juga dilihat memperlekehkan langkah pemimpin dan perwakilan UMNO memakai baju seragam ketika Perhimpunan Agung UMNO yang berakhir semalam apabila menyatakan, mereka hanya berpakaian cantik tetapi menutup telinga, mata dan mulut untuk mengetengahkan isu berkaitan kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Ketika Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bersatu dengan Pas di Himpunan Solidariti Ummah Untuk Rohingya, berbeza pula dengan Dr. Mahathir yang sanggup duduk sebaris dengan musuh politiknya dahulu yang mahu menjatuhkan kerajaan.

Dalam pada itu, Guan Eng dalam ucapannya menganggap kehadiran Dr. Mahathir sebagai satu sejarah untuk parti itu.